

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 35 RABU 31 OGOS, 1966 1386 جماد الاول 14 ربیو PERCHUMA

Semangat perpaduan mesti ada - titah

D.Y.M.M.



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan

BANDAR BRUNEI.
— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah menyeru Pegawai2 dan Guru2 Ugama supaya menanamkan di-jiwa mereka semangat ingin berkorban untuk kebaikan, keselamatan dan keamanan negeri ini.

Ketika memberi titah nasehat kapada peserta2 kursus bagi Pegawai2 dan Guru2 Ugama Sa-Negeri Brunei kali kelima di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, kelemarin pagi Baginda menyatakan bahawa ada-lah tanggong jawab setiap orang Islam menjaga dan memelihara nama baik dan kesucian Ugama Islam.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan menerangkan negeri ini ada-lah berkehendakkan semangat perpaduan, bekerjasama antara satu dengan lain, pada chintakan dan mempertahankan keamanan

lehi hasil, bahkan akan merugikan negara.

Tutut memberi uchapan di-upachara tersebut ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Dalam uchapan beliau, Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, antara lain, menerangkan tujuan2 kursus tersebut di-adakan, dan perkembangan Pelajaran Ugama Islam di-negeri ini.

Pengiran Muda Dato Paduka kemaluddin juga menguchapkan terima kaseh atas bantuan2 dan kerjasama Guru2 dan Pegawai2 Ugama dari Malaysia dalam mengembangkan ilmu pengetahuan dan Pelajaran Ugama di-Brunei.

Di-antara para hadhirin di-majlis itu termasoklah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota, Y.T.M. Duli2 Wazir, Pegawai2 Kanan Kerajaan Ahli2 Majlis2 Mashuarat dan lain2nya.

Menghadiri
Persidangan
M. P. I. A.

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan tiga orang Pegawai Tinggi Kerajaan telah bertolak ka-Bangkok kelemarin untuk menghadiri Persidangan Majlis Perkembangan In d u stri Asia yang pertama.

Rombongan itu di-ketuai oleh Penulung Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, dan mengandongi Dr. J. S. Gould, Penasehat Ekonomi dan Awang Zakaria bin Hj. Sulaiman.

Awang Zakaria akan bertindak sa-bagai wakil dan setiausaha rombongan dan Dr. Gould sa-bagai penasehat kapada rombongan.

Pembukaan Rasmi Masjid Hassanal Bolkiah

TUTONG. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah merasmikan pembukaan Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong dalam satu upacara yang bersejarah pada hari Juma'at 26 Ogos, 1966 bersama'an dengan 9 Jamadil Awal, 1386.

Masjid yang baru itu telah di-bina dengan perbelanjaan hampir \$700,000 dan dapat menempatkan lebih dari 700 orang untuk sembahyang berjemaah.

Sabelum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota

Hassanal Bolkiah di-junjong untuk bersabda di-majlis tersebut, uchapan2 telah di-lafadzkan oleh:

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato

LIHAT MUKA 8



Y. T. M. Duli Pengiran Isteri Anak Saleha telah merasmikan pembukaan Pameran Urusan Rumah Tangga, Kelas2 Dewasa Brunei di - Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada Hari Ahad 28 Ogos, 1966. Dalam gambar ini kelihatan sa-orang murid sekolah sedang menyembahkan Chen deramata kepada Y.T.M. Duli Pengiran Isteri Anak Saleha di-majlis tersebut.

"KEBERSEHAN AMAT PENTING DI-SISI KEHIDUPAN MA'ANUSIA"

— Kata Merinyu Bandaran Tutong, Awang Noordin

TUTONG. — "Kebersehan ada-lah amat penting di-sisi kehidupan ma'anusia. Orang bijak-pandai berkata "Otak yang chergas ada-lah terletak di-badan yang sehat." Demikian antara-nya kata Merinyu Bandaran Tutong, Awang Noordin bin Awang sabelum beliau merasmikan pembukaan Kempen Minggu Kebersehan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada pagi hari Ahad 21 Ogos, 1966.

Dalam uchapan beliau di-majlis tersebut, Awang Noordin berseru kapada murid2 Sekolah Melayu Muda Hashim supaya mereka menjaga kebersehaan dan kesehatan demi membentuk kehidupan yang sempurna.

"Jangan-lah sanggup membiarkan sampah2 sarap berserak — sama-ada di-sekolah, di-rumah dan di-mana2 saja kamu berada, kerana sampah-sarap itu ada-lah suatu kutoran yang bisa mendatangkan keburokan kapada Negara, Bangsa dan Tanah Ayer.

Malam Aneka Warna Di-Tutong

TUTONG. — Enam buah Persatuan dan sa-buah Pasokan Sukarela akan mengambil bahagian dalam persembahan MALAM ANEKA WARNA bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Daerah Tutong dalam bulan September.

Persembahan Malam Aneka Warna itu akan diadakan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong sa-lama tujuh malam berturut2 mulai pada malam 26 September hingga ka-malam 2 Oktober.

Sa-buah Jawatan Kuasa telah di-bentuk baru2 ini untuk menyelenggarakan persembahan tersebut, ia-itu saperti di-bawah ini:

PENGERUSI — Awang Mohd. Noor bin Awang Besar. **NAIB PENGERUSI** — Awang Ramlee bin Tunggal.

SETIA USAHA — Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim. **PENULONG SETIA USAHA** — Awang Suhaimi bin Abu Bakar.

AHLI2 JAWATAN KUASA — Awang Sulaiman bin Edin, Awang Yusof bin Siput, Awang Muhammad bin Chuchu, Awang Yahya bin Mohd. Said, Awang Hussain bin Mahari, Awang Mohd. Deli bin Abdul Rahman dan Awang Abdullah bin Abdul Rashid.

Saya perchaya Kempen Minggu Kebersehan ini di-adakan bukan-lah bererti di-Daerah kita ini dan Sekolah ini di-seliputi dengan kutoran2 atau sampah2-sarap.

LANGKAH BAIK

Tetapi ada-lah suatu langkah yang baik bagi menggalakkan lagi kapada murid2 atau pelajar2 di-sekolah ini khusus-nya dan anak2 di-Daerah ini 'amnya supaya senantiasa menjauhkan diri dari segala kutoran dan mengamalkan kebersehan," kata Awang Noordin.

Ketika mulai beruchap di-majlis tersebut, Awang Noordin telah menguchapkan ribuan terima kaseh

kapada jawatan Kuasa Kempen Minggu Kebersehan Sekolah Melayu Muda Hashim kerana sudi menjemput beliau ka-majlis tersebut dan sa-terus-nya merasmikan pembukaan Kempen Minggu Kebersehan itu.

Beliau menambah-kata, bahawa itu-lah "kali pertama Kempen Minggu Kebersehan di-adakan di-Daerah Tutong, malah mungkin juga belum pernah di-adakan di-Negeri Brunei."

Awang Noordin juga telah menguchapkan Shabas dan Tahniah kapada Guru Besar Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong Chegu Awang Ludin bin Hashim serta Pengerusi dan Ahli2 Jawatan Kuasa Kempen Minggu Kebersehan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong atas kejayaan mereka mengadakan kempen tersebut.

KURSUS PEMIMPIN BELIA DI-MALAYA:

Wakil2 Brunei Berjaya Dalam Berbagai2 Bahagian

BANDAR BRUNEI. — Empat orang Pemimpin2 Belia dari Negeri Brunei telah menghadiri Kursus Pemimpin2 Belia dari Malaysia dan Brunei, Kali Ketiga baru2 ini.

Kursus tersebut telah di-adakan d-Pusat Latehan Belia Kebangsaan, Peretak, Kuala Kubu Bahru, Selangor Malaysia sa-lama tiga minggu mulai pada 30 Julai, 1966.

Wakil2 dari negeri ini yang menghadiri Kursus Pemimpin2 Belia Kali Ketiga itu ia-lah Awang Junaidi O. K. Md. Safar dari Persatuan Melayu Keriam, Tutong; Awang Ibrahim bin Mohamad dari Persatuan PERKASA Brunei; Awang Md. Zain Tengah dari Persatuan 3PTM, Tutong dan Awang Abdullah Awang Besar dari Persatuan PAPP, Brunei.

Mereka telah menghadiri kursus tersebut atas perbelanjaan Kerajaan Brunei dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Brunei.

Pada keselurohan-nya, kursus tersebut telah berjaya dengan mendapat keputusan bahawa para perwakilan dari Negeri Brunei telah memperolehi kejayaan yang baik.

Sa-orang wakil dari Negeri Brunei telah mendapat Sijil "A" Beliau ia-lah Awang Junaidi O. K. Md.

Safar. Tiga orang lagi, ia-itu Awang Ibrahim bin Mohammad, Awang Md. Zain Tengah dan Awang Abdullah Awang Besar telah mendapat Sijil "B".

Demikian antara-nya kata Awang Junaidi O. K. Md. Safar dalam satu pertemuan dengan beliau pada masa rombongan dari Brunei ka-Kursus tersebut kembali ka-Tanah Ayer baru2 ini.

PENTADBIRAN PERSATUAN

Selanjutnya Awang Junaidi berkata bahawa se-masa kursus itu di-jalankan, banyak-lah perkara2 telah di-pelajari oleh para peserta-nya, saperti mengkaji Pentadbiran Persatuan, Pergerakan Persatuan Belia, Tugas2 Ahii, Pentadbiran Kewangan, Ekonomi Bumiputera dan lain2 perkara.

Di-samping mempelajari sa-chara teori, sa-tiap peserta hendak-lah juga tahu menjalankan sa-chara praktik. Umpama-nya chara2 menubohkan sa-buah persatuan, memberi sharaan, chara2 berbahath, kebudayaan, sokan, ugama

Penuntut2 M.P.M.B.
Berlateh Mengajar
Di-Sekolah2 Melayu

BERAKAS. — Seramai 98 orang penuntut2 Tahun Dua, Maktab Perguruan Melayu Brunei telah tamat menjalani latehan mengajar sa-lama satu bulan di-Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei, baru2 ini.

Mereka ada-lah mengan-dongi 78 orang penuntut2 lelaki dan 20 orang penuntut2 perempuan.

Sementara itu penuntut2 Tahun Satu, Maktab Perguruan Melayu Brunei akan keluar mengajar sa-chara bergilir2 di-Sekolah Latehan Anggerek Desa, Berakas dalam masa Penggal Tiga Persekolahan.

Penuntut2 yang berke-lulusan Sijil Persekolahan Rendah (G.C.E.) Tahu Dua di-Maktab Perguruan Melayu Brunei akan keluar berlateh mengajar di-Sekolah2 Melayu dalam Ne-geri Brunei pada masa Penggal Tiga Persekolahan.

dan lain2-nya.

Awang Junaidi berkata lagi bahawa sa-tiap peserta kursus itu di-mesti-kan mengambil semua ba-hagian. Mengikut jadual waktu yang di-kenakan kapada semua peserta, bo-leh-lah di-katakan amat ketat sekali, ia-itu dengan di-penohi oleh mata2 pelajar-an yang tertentu.

SEKSI-SEKSI

Kursus tersebut di-bahagi-kan kapada Tiga Seks, ia-itu Seks Pimpinan, Seks Seni Drama dan Seks Seni Foto.

Jawatan Kuasa Sementara telah di-bentok, guna menjalankan kerja2 kursus. Dalam Badan ini (ia-itu Badan Ter-tinggi) dua orang wakil dari Brunei telah mendapat tempat, di-mana Awang Junaidi telah di-lantek sa-bagai Setia Usaha Agong Sementara, manakala Awang Ibrahim Mohammad pula di-lantek menjadi Pen-ulong Seks Khutub Khanah.

Kemudian tiba pula pemle-han Jawatan Kuasa Tetap Kur-sus. Juga pada kali ini Awang Junaidi dan Awang Ibrahim Mohammad maseh lagi terpilih menjadi Setia Usaha Agong dan Jawatan Kuasa Tetap Kursus dengan mendapat un-dian yang terbanyak sekali.

Dalam Kursus Pimpinan di-jalan, yang seramai 42 orang itu, Seks ini telah menubohkan sa-buah persatuan (salah satu daripada praktikal), Awang Mohd. Zain Tengah telah di-pileh selaku Yang Dipertua dan Awang Junaidi selaku Ja-watan Kuasa Penggubal Un-dang2.

Peraduan Perarakan Laut Dan Berchuchol Rumah2 Di-Kampong Ayer

BANDAR BRUNEI. — Penduduk2 di-Kampong Ayer ada-lah di-jemput untuk mengambil bahagian dalam Peraduan Perarakan Laut (ia-itu berchuchol di atas ayer) dan Peraduan Berchuchol Rumah2 di-Kampong Ayer, sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Peraduan Perarakan Laut (ia-itu Berchuchol di atas ayer) akan di-langsungkan di-Sungai Brunei pada 25 September mulai jam 6.00 petang.

Peraduan Berchuchol Rumah2 Kampong Ayer yang menggunakan minyak gas akan di-langsungkan pada 22 September hingga 26 September. Mulai dari jam 6.00 petang hingga ka-jam 11.30 malam.

Peraduan Berchuchol Rumah2 Kampong Ayer yang menggunakan lampu elektrik, jenerita kepunyaan sendiri, akan di-langsungkan pada 22 September hingga 26 September mulai dari jam 6.00 petang hingga 12.00 tengah malam.

HADIAH2 yang akan diberikan' ada-lah saperti berikut:

Peraduan Perarakan Laut: Hadiah Pertama — Wang tunai \$250 serta sa-biji mangkok perak dan sa-buah perisai rebutan. Hadiah Kedua — Wang tunai \$200. Hadiah Ketiga — wang tunai \$150. Hadiah2 Sagu Hati akan diberikan sama rata kepada peserta2 yang tidak berjaya.

Peraduan Berchuchol Rumah2 Kampong Ayer yang menggunakan minyak gas: Hadiah Pertama — wang tunai \$150 serta sa-biji mangkok perak dan sa-buah perisai rebutan. Hadiah kedua — Wang tunai \$125. Hadiah Ketiga — Wang tunai \$100. Tiga hadiah sagu hati akan diberikan.

Peraduan Berchuchol Rumah2 Kampong Ayer yang menggunakan lampu elektrik, jenerita kepunyaan sendiri: Hadiah Pertama — Wang tunai \$125 serta sa-biji mangkok perak dan sa-buah perisai rebutan. Hadiah Kedua — Wang tunai \$100. Hadiah Ketiga — Wang tunai \$75. Tiga hadiah sagu hati akan di-

berikan juga.

Borang2 memasuki Peraduan Perarakan Laut boleh-lah di-dapati di-Pejabat Setor2 dan Perbekalan Negara, Jalan Roberts, Bandar Brunei, manakala Peraduan Berchuchol Rumah2 Kampong Ayer tidak-lah payah mengisi sa-barang borang permohonan pun.

Penduduk2 di-Kampong Ayer yang ingin memasuki peraduan2 tersebut adalah di-jemput menghantarkan surat permohonan mereka kapada Pengiran Damit bin Pengiran Abu Bakar, Pengerusi Peraduan Berchuchol dan Perarakan Laut, d/a Pejabat Setor2 dan Perbekalan Negara, Brunei tidak lewat dari-pada 15 September, 1966.

◆◆◆◆◆
TUNJOKKAN-LAH
TA'AT SETIA
KAPADA NEGARA
DENGAN
MENGGUNAKAN
BAHASA MELAYU
DALAM
SEMUA LAPANGAN
PEKERJAAN
SA-TIAP MASA
◆◆◆◆◆

19 Orang Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kiudang Melawat Sabah

BERAKAS — Sa-ramai 19 orang ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kiudang, Tutong termasuk 4 orang ahli wanita-nya telah berlepas dengan kapal terbang menuju Jesselton pada hari Ahad yang baru lalu untuk mengadakan lawatan sambil belajar mengenai kemajuan pertanian di-Sabah.

Lawatan itu akan memakan masa sa-lama 5 hari dan antara tempat2 yang akan di-lawati mereka termasuklah Ranchangan Penanaman Sa-Mula Padi di-Lohan dalam kawasan Ranau.

Mereka juga akan melawat sambil belajar tentang binatang2 ternakan di-Makmal Ternakan di-Kapayang dan lawatan itu akan di-teruskan sa-hingga ka-Kota Belud.

Ketua Rombongan tersebut, Awang Omarali bin Esong telah menyatakan bahawa lawatan itu ada-lah atas perbelanjaan mereka sendiri, disamping beberapa kemudahan2 yang lain yang di-berikan oleh Jabatan Pertanian Negara.

Awang Omarali berkata, tujuan lawatan itu yang utama ia-lah untuk meninjau letak dekat lagi mengenai keadaan chara2 berchuchok tanam di-sana dan segala oleh2 dari lawatan itu akan di-buat sa-bagai satu sandardan bagi kemajuan pertanian yang telah dan sedang di-jalankan oleh Persatuan-nya.

Awang Omarali yang juga menjadi Yang di-Pertua Persatuan tersebut telah mensifatkan kursus pertanian yang telah di-jalani oleh ahli2 persatuan-nya atas anjoran Jabatan Pertanian itu sa-bagi langkah yang wajar dan memberi kesan.

PERUSAHAAN BERCHUCHOK TANAM

"Hingga masa ini hampir semua ahli2 persatuan peladang di-Kampong Kiudang telah memusatkan perhatian mereka untuk meluaskan lagi

perusahaan berchuchok tanam dengan memilih chara yang mudah saperti yang diajarkan oleh pegawai2 Jabatan Pertanian negara," kata-nya.

Kemajuan2 yang di-chapai oleh persatuan itu, jelas be-liu, ia-lah bertanam padi sa-chara bergotong royong, berternak Ayam, berkebun sayor2an dan memelihara ikan.

Awang Omarali menjelaskan bahawa hasil2 yang memuaskan dari tanaman padi tekah di-chapai dan bagitu juga dengan ternakan Ayam dan tanaman sayor2an.

"Kami masa ini maseh menunggu lagi ayam2 yang kami tempah dari Singapura yang jumlah-nya 1,500 ekor," kata beliau.

Mengenai dengan chara2 perusahaan itu di-jalankan, Aw. Omarali berkata bahawa masa ini perusahaan itu hanya di-jalankan sa-chara bersendirian saja oleh ahli2 persatuan, chuma waktu membuka perusahaan itu telah di-jalankan kerja bergotong royong dan chara2 itu akan di-perbaiki mengikut keadaan masa.

Menyebut tentang bantuan2 Kerajaan mengenai lawatan ka-Sabah itu, Awang Suhaimi bin Haji Ismail, Pembantu Kanan Pertanian telah menyatakan bahawa pehak Jabatan Pertanian telah memberi kemudahan2 bagi ranchangan2 lawatan itu saperti keinderaan.

Jabatan Pertanian juga, kata-nya telah memberi alaun sa-banyak \$5.00 sa-hari bagi sa-orang ahli rombongan.

Sementara itu, dalam bulan September ini sa-ramai 26 orang ahli2 Persatuan2 Peladang di-negeri ini akan mengadakan lawatan sa-lama dua minggu ka-Pusat2 Pertanian di-Malaya.



Beberapa orang anggota Persatuan Peladang Kampong Kupang telah melawat ka-Pusat Pertanian Kilanas baru2 ini sa-lepas mereka menghadiri Kursus Pertanian di-Kampong Kupang. Dalam gambar ini kelihatan beberapa orang Pegawai2 dari Jabatan Pertanian dan anggota2 Persatuan Peladang itu pada masa lawatan mereka ka-Pusat Pertanian Kilanas.

MASJID YANG INDAH


HARI JUMA'AT 26 Ogos, Tahun Masehi 1966 bersama'an dengan 9 Jamadil Awal, Tahun Hijrah 1386 dapat-lah di-chatitkan sebagai satu hari yang bersejarah di-Negeri Brunei, kerana pada hari itu sa-buah lagi Masjid yang menjadi Lambang Ugama Islam telah di-rasmikan pembukaan-nya. Masjid itu ia-lah **MASJID HASSANAL BOLKIAH** di-Pekan Tutong.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah merasmikan pembukaan Masjid yang indah itu.

Dengan terlaksana pembinaan Masjid Hassanal Bolkiah itu, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah membina empat buah Masjid yang besar dan indah di-negeri ini, ia-itu **MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN** di-Bandar Brunei; **MASJID MOHAMAD JAMALUL ALAM** di-Pekan Kuala Belait; **MASJID SETIA ALI** di-Pekan Muara dan **MASJID HASSANAL BOLKIAH** di-Pekan Tutong.

Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, di-bawah Pimpinan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, selaku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei, pada masa ini sedang membina sa-buah lagi Masjid yang baru ia-itu di-Pekan Bangar di-Daerah Temburong.


Sa-belum merasmikan pembukaan Masjid Hassanal Bolkiah pada Hari Juma'at vang lalu, Yang Teramat Mulia Seria Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah bersabda bahawa Masjid itu ada-lah memberikan arti-kata yang besar sa-bagai **SEJARAH** kapada Umat Islam di-Tutong vang mempunyai sa-buah **MASJID YANG INDAH**.



PADA 26 Ogos,
Teramat Mulia
Muda Mahkota
rasmikan pembu-
kiah, Tutong.

Dengan itu,
jid yang berbentuk
dirikan di-daerah
but ia-lah Masjid
dar Brunei; Mas-
jid Mohamm-
lait dan di-Tuton-

Pembinaan
lah menelan bela-
belian harga tan-
serta kelengkapa-



SUA

A PEMBUKAAN RASMI MASJID HASSANAL BOLKIAH, TUTONG.

baru lalu, Yang
Duli Pengiran
Bolkiah telah me-
id Hassanal Bol-




empat buah Mas-
jid moden telah di-
ni. Masjid2 tersebut
di Saifuddin, Ban-
li, Pekan Muara;
Alam, Kuala Be-
assanal Bolkiah.

assanal Bolkiah te-
00 termasuk pem-
pak bangunan itu

ri keluasan-nya yang
patkan sa-ramai le-
orang berjema'ah di-
lah juga di-sediakan
mam, bilek perpust-
ak tempat mengambil
yang yang lengkap
engan segala kemu-

ewan untuk menga-
n2 bertadrus puasa,
dan mashuarat2 dan
ugama telah juga ter-
masjid yang indah

yang di-muat dalam
a-laah di-ambil ketika
bukaan rasmi Masjid
kiah tersebut.



Jadual Perlawanan Sepak Raga Jaring Bagi Menyambut Hari Jadi D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah menganjorkan Perlawanan Sepak Raga Jaring bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Ini-lah tahun kelima perlawanan tersebut di-adakan dan ramai pasukan2 telah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Perlawanan Sepak Raga Jaring itu di-bahagikan kepada Bahagian2 "A" dan "B" dan di-adakan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

PASOKAN "A"

Jadual Perlawanan Sepak Raga Jaring Pasokan "A" pada Hari Juma'at 2 September, Hari Sabtu 3 September, Hari Isnin 5 September dan Hari Selasa 6 September adalah seperti berikut:

HARI JUMA'AT 2 SEPTEMBER:

- (a) 4.30 petang — IKLS Lawan SOASC. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — KUBU dan BOMBA.
- (b) 4.55 petang — KUBU Lawan BOMBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras AMDB dan PERKASA.
- (c) 5.20 petang — AMDB Lawan PERKASA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERANGKAB dan PUSAKA.
- (d) 5.45 petang — PERANGKAB Lawan PUSAKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SOASC dan KUBU.
- (e) 6.10 petang — SOASC Lawan KUBU. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BOMB Adan AMDB.
- (f) 6.35 petang — BOMBA Lawan AMBD. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERKASA dan PERANGKAB.
- (g) 7.00 malam — PERKASA Lawan PERANGKAB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IKLS dan PUSAKA.
- (h) 7.25 malam — IKLS Lawas PUSAKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SOASC dan KUBU.

HARI SABTU 3 SEPTEMBER:

- (a) 4.50 petang — SRJIP Lawan SRI TANJONG. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — TIBA dan INSAP.
- (b) 4.55 petang — TIBA Lawan INSAP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BAKTI dan PUSAKA.
- (c) 5.20 petang — BAKTI Lawan PUSAKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PULIS dan SMMP.
- (d) 5.45 petang — PULIS Lawan SMMP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRI TANJONG dan TIBA.
- (e) 6.10 petang — SRI TANJONG Lawan TIBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras. INSAP dan BAKTI.
- (f) 6.35 petang — INSAP La-

wan BAKTI. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PUSAKA dan PULIS.

- (g) 7.00 malam — PUSAKA Lawan PULIS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRJIP dan SMMP.
- (h) 7.25 malam — SRJIP Lawan SMMP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRI TANJONG dan TIBA.

HARI ISNIN

5 SEPTEMBER:

- (a) 4.30 petang — MPMB Lawan IBB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IKLS dan BOMBA.
- (b) 4.55 petang — IKLS Lawan BOMBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras. PERANGKAB dan KUBU.
- (c) 5.20 petang — PERANGKAB Lawan KUBU. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERKASA dan INSAP.
- (d) 5.45 petang — PERKASA Lawan INSAP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras. IBB dan IKLS.
- (e) 6.10 petang — IBB Lawan IKLS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BOMBA dan PERANGKAB.
- (f) 6.35 petang — BOMBA Lawan PERANGKAB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — KUBU dan SUMBILING.
- (g) 7.00 malam — KUBU Lawan PERKASA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — MPMB dan INSAP.
- (h) 7.25 malam — MPMB Lawan INSAP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IBB dan IKLS.

HARI SELASA

6 SEPTEMBER:

- (a) 4.30 petang — AMDB Lawan SOASC. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SMMP dan BOMBA.
- (b) 4.55 petang — SMMP Lawan BOMBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IKLS dan SRJIP.
- (c) 5.20 petang — IKLS Lawan SRJIP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BAKTI dan TIBA.
- (d) 5.45 petang — BAKTI Lawan TIBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SOASC dan SMMP.
- (e) 6.10 petang — SOASC Lawan SMMP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PULIS dan IKLS.

- (f) 6.35 petang — PULIS Lawan IKLS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRJIP dan BAKIT.
- (g) 7.00 malam — SRJIP Lawan BAKTI. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — AMDB dan TIBA.
- (h) 7.25 malam — AMDB Lawan TIBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SOASC dan SMMP.

POSOKAN "B"

HARI JUMA'AT 2 SEPTEMBER:

- (a) 4.30 petang — BOMBA Lawan KUBU. Penjaga Garisan Tepi dan Teras

SUMBILING dan SMMP.

- (b) 4.35 petang — SUMBILING Lawan SMMP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras PUSAKA dan 3PKA.
- (c) 5.20 petang — PUSAKA Lawan 3PKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — KUBU dan SUMBILING.
- (d) 5.45 petang — PUSAKA Lawan SUMBILING. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BOMBA dan KUBU.
- (e) 6.10 petang — KUBU Lawan SUMBILING. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SMMP dan PUSAKA.
- (f) 6.35 petang — SMMP Lawan PUSAKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — 3PKA dan INSAP.

- (g) 7.00 malam — 3PKA Lawan INSAP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BOMBA dan IKLS.
- (h) 7.25 malam — BOMBA Lawan IKLS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — KUBU dan SUMBILING.

HARI SABTU

3 SEPTEMBER:

- (a) 4.30 petang — PERANGKAB Lawan TIBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BAKTI dan IBB.
- (b) 4.55 petang — BAKTI Lawan IBB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PULIS dan SOASC.
- (c) 5.20 petang — PULIS Lawan SOASC. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — MPMB dan SRI TANJONG.
- (d) 5.45 petang — MPMB Lawan SRI TANJONG. Penjaga Tepi dan Teras — TIBA dan BAKTI.
- (e) 6.10 petang — TIBA Lawan BAKTI. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IBB dan PULIS.
- (f) 6.35 petang — IBB Lawan PULIS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SOASC dan MPMB.
- (g) 7.00 malam — SOASC Lawan MPMB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERANGKAB dan SRI TANJONG.
- (h) 7.25 malam — PERANGKAB Lawan SRI TANJONG. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — TIBA dan BAKTI.

HARI ISNIN

5 SEPTEMBER:

- (a) 4.30 petang — SULTAN LAMA Lawan PGGMB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BOMBA dan AMDB.
- (b) 4.55 petang — BOMBA Lawan AMDB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERKASA dan INSAP.
- (c) 5.20 petang — PERKASA Lawan INSAP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — KUBU dan IKLS.
- (d) 5.45 petang — KUBU Lawan IKLS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PGGMB dan BOMBA.
- (e) 6.10 petang — PGGMB Lawan BOMBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — AMDB dan PERKASA.
- (f) 6.35 petang — AMDB Lawan PERKASA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — INSAP dam KUBU.
- (g) 7.00 malam — INSAP Lawan KUBU. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SULTAN LAMA dan IKLS.
- (h) 7.25 malam — SULTAN LAMA Lawan IKLS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PGGMB dan BOMBA.

HARI SELASA

6 SEPTEMBER:

- (a) 4.30 petang — PUSAKA Lawan TIBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SUMBILING dan 3PKA.
- (b) 4.55 petang — SUMBILING Lawan 3PKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SOASC dan SMMP.
- (c) 5.20 petang — SOASC Lawan SMMP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — MPMB dan PGGMB.
- (d) 5.45 petang — MPMB Lawan PGGMB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — TIBA dan SUMBILING.
- (e) 6.10 petang — TIBA Lawan SUMBILING. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — 3PKA dan SOASC.
- (f) 6.35 petang — 3PKA Lawan SOASC. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SMMP dan MPMB.
- (g) 7.00 malam — SMMP Lawan MPMB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PUSAKA dan PGGMB.
- (h) 7.25 malam — PUSAKA Lawan PGGMB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — TIBA dan SMBILING.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 31 Ogos hingga ka-hari Selasa 6 September, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
31 Ogos		12.26	3.43	6.33	7.44	4.42	4.57	6.14
1 Sept.		12.24	3.41	6.30	7.42	4.41	4.56	6.13
2 Sept.		12.24	3.41	6.30	7.42	4.41	4.56	6.13
3 Sept.		12.24	3.41	6.30	7.42	4.41	4.56	6.13
4 Sept.		12.24	3.41	6.30	7.42	4.41	4.56	6.13
5 Sept.		12.24	3.41	6.30	7.42	4.41	4.56	6.13
6 Sept.		12.23	3.39	6.28	7.40	4.40	4.55	6.12

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

Sokan dan Olah Raga

PERLAWANAN

Sepak Raga Jaring antara Sekolah2 Rendah Seluroh Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran Brunei telah di-jalankan baru2 ini dengan di-adakan pemilehan peringkat Daerah.

Keputusan Perlawanan Pemilehan Sekolah2 Melayu Kuala Brunei, Bahagian Brunei III yang telah dilangsungkan pada 11 Ogos, telah di-siarkan dalam PELITA BRUNEI pada hari Rabu 24 Ogos 1966.

Keputusan Perlawanan Sepak Raga Jaring itu dengan selanjutnya ada-lah seperti berikut:

2. PADA 14 OGOS, 1966: Dua Perlawanan Pemilehan di-jalankan serempak ia-itu:

(1) Sekolah2 Melayu Sungai Labu Bahagian Temburong, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Piasau2. Permainan di-jalankan dengan chara pukul keliling.

(a) Sekolah2 yang mengambil bahagian:

- (i) Sekolah Melayu Labu Estate 1 pasukan: "B" saja.
- (ii) Sekolah Melayu Senukoh 1 pasukan: "B" saja.
- (iii) Sekolah Melayu Piasau2 1 pasukan: "B" saja.

Perlawanan di-jalankan dengan chara pukul keliling.

(b) Keputusan perlawanan. Johan: Pasokan Sekolah Melayu Piasau2 mendapat 4 mata.

Naib Johan: Pasokan Sekolah Melayu Labu Estate mendapat 2 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Senukoh mendapat kosong.

(2) Sekolah2 Melayu Ulu Brunei Bahagian Brunei II, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Pengkalan Batu. Permainan di-jalankan dengan chara kalah mati.

(a) Sekolah2 yang mengambil bahagian.

- (i) Sekolah Melayu Lumapas 2 pasukan: "A" dan "B".
- (ii) Sekolah Melayu Putat 2 pasukan: "A" dan "B".
- (iii) Sekolah Melayu Kasat 1 pasukan: "B" saja.

(iv) Sekolah Melayu Pklm Batu 2 pasukan: "A" dan "B".

(v) Sekolah Melayu Limau Manis 2 pasukan: "A" dan "B".

(vi) Sekolah Melayu Masin 1 pasukan: "B" saja.

(vii) Sekolah Melayu Panchor Murai 1 pasukan: "B" saja.

Oleh Awang Md. Husain Zainal

(b) Keputusan perlawanan.

Kumpulan "A":

Johan: Pasokan Sekolah Melayu Lumapas.

Kumpulan "B":

Johan: Pasokan Sekolah Melayu Kasat.

Naib Johan: Pasokan Sekolah Melayu Lumapas.

(c) Hadiah telah di-sampaikan oleh Ketua Kampong Pengkalan Batu Awang Haji Kamis bin Bungsu kapada pasokan2 yang berjaya.

(d) Hadiah rebutan:

(i) Kumpulan "A" Piala Awang Haji Kamis bin Bungsu Ketua Kampong Pengkalan Batu: di-menangi oleh pasokan Sekolah Melayu Lumapas.

(ii) Kumpulan "B": Piala Che'gu Abdullah bekas Guru Ugama Sekolah Melayu Pengkalan Batu di-menangi oleh pasokan Melayu Kasat.

3. PADA 15 OGOS, 1966: Perlawanan Pemilehan Sekolah2 Melayu Sungai Pendaruan Bahagian Temburong bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Bokok. Permainan di-jalankan dengan chara kalah mati.

(a) Sekolah2 yang mengambil bahagian:

- (i) Sekolah Melayu Belais 1 pasukan: "B" saja.
- (ii) Sekolah Melayu Bokok 1 pasukan: "B" saja.
- (iii) Sekolah Melayu Kinua 2 pasukan: "A" dan "B".

(b) Keputusan perlawanan.

(i) Kumpulan "B":
Johan: Pasokan Sekolah Melayu Belais.
Naib Johan: Pasokan Sekolah Melayu Kinua.

(ii) Kumpulan "A":

Hanya satu pasokan sahaja. Oleh itu Pasokan Sekolah Melayu Kinua terus masok ka-peringkat akhir Bahagian Temburong.

(c) Hadiah rebutan telah disampaikan oleh Awang Haji Sabtu bin Abd. Ghani, Imam Masjid Bokok kapada pasokan yang berjaya.

(d) Hadiah rebutan: Piala Awang Haji Sabtu bin Abd. Ghani telah di-menangi oleh pasokan Sekolah Melayu Belais.

4. PADA 16 OGOS, 1966: Dua Perlawanan di-jalankan serempak:

(i) Perlawanan Pemilehan Sekolah2 Melayu Sungai Bangar. Bahagian Temburong bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar Temburong. Permainan di-jalankan dengan chara kalah mati.

(a) Pasokan2 yang mengambil bahagian:

(i) Sekolah Melayu Beligos 2 pasokan: "A" dan "B".

(ii) Sekolah Melayu Sultan Hasan 2 pasokan: "A" dan "B".

(iii) Sekolah Melayu Batu Apoi 2 pasokan: "A" dan "B".

(iv) Sekolah Melayu Amo 2 pasokan: "A" dan "B".

(v) Sekolah Melayu Puni 1 pasokan: "B" saja.

(b) Keputusan perlawanan.

(i) Kumpulan "A":
Johan: Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan.

Naib Johan: Pasokan Sekolah Melayu Beligos.

(ii) Kumpulan "B":
Johan: Pasokan Sekolah Melayu Beligos.
Naib Johan: Pasokan Sekolah Melayu Batu Apoi.

JAWATAN KOSONG

PEMBANTU PERPUSTAKAN DI-MAKTAB PERGURUAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak untuk di-daftarkan sedemikian bagi jawatan kosong sebagai Pembantu Perpustakaan di-Maktab Perguruan dalam Jabatan Pelajaran, Brunei.

KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah berpelajaran Inggeris sekurang2nya setakat Form III dan tahu Bahasa Melayu serta Jawi.

GAJI:

Dalam sukatan D 1 EB 2 \$210 X 10 — 260/EB/270 X 15-360.

Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah dikembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 17 September, 1966.

Peraduan seni lukis bagi menyambut Hari Jadi DYMM

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Seni Lukis, Sculpture dan Potograp kerana Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Brunei, pada tahun ini akan di-adakan pada 18 September, 1966 di-Bandar Brunei.

Dengan ini di-jemput siapa2 yang ingin mengambil bahagian sila-lah menghantar Lukis a n2, Sculpture dan Potograp kapada Jawatan Kuasa peraduan tersebut:

1. Bahagian Orang2 Dewasa termasok Penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei:

(a) Pemandangan dalam Negeri Brunei: i. Pensil. ii. Chat ayer. iii. Chat minyak. (b) Orang Mashor 'Am: i. Pensil. ii. Chat ayer.

iii. Chat minyak. (c) Poster Berkennaan dengan Negeri Brunei: i. Bebas. (d) Lukisan Angkatan Baru (Modern Art): i. Bebas.

(e) Gubahan Awan Larat (Design): i. Bebas. (f) Lukisan Benda2 (Stillife Drawing): i. Bebas. (g) Gubahan Jambangan Bunga.

Bebas. (g). Ukiran Patong2 (Sculpture): i. Bebas.

2. Bahagian Murid2 Sekolah Menengah: (Maktab SOAS, STPRI, Maktab A. A., Sekolah Menengah Chung Hwa, Sekolah Melayu Menengah Bawah dan Sekolah2 Menengah Misi):

(a) Pemandangan dalam Negeri Brunei: i. Pensil. ii. Chat ayer. iii. Chat minyak. (b) Orang Mashor 'Am: i. Pensil. ii. Chat ayer. iii. Chat minyak. (c) Poster berkennaan dengan Negeri Brunei: i. Bebas. (d) Lukisan Angkatan Baru (Modern Art): i. Bebas.

(e) Gubahan Awan Larat (Design): i. Bebas. (f) Lukisan Benda2 (Stillife Drawing): i. Bebas. (g) Gubahan Jambangan Bunga.

3. Bahagian Murid2 Sekolah Rendah: (a) Pemandangan dalam Negeri Brunei: i. Pensil. ii. Chat ayer. iii. Chat minyak. (b) Orang Mashor 'Am: i. Pensil dan ii. Chat ayer. c. Poster Berkennaan Dengan Negeri Brunei: i. Bebas. (d) Gubahan Awan Larat: i. Bebas. (e) Lukis Benda2 (Stillite): i. Bebas.

4. Bahagian Potograp: i. Bebas.

PERATORAN 'AM: 1. Peserta2 hendak-lah membubuhkan nama dan alamat dengan terang di-belakang lukisan2, atau Potograp. 2. Peserta2 hanya di-benarkan menghantar dua lukisan atau Potograp bagi tiap2 satu bahagian. 3. Lukisan2 atau Potograp yang di-terima, hanya-lah hasil usaha pendudok2 tempatan negeri Brunei. 4. Lukisan2 atau Potograp yang di-pamirkan pada tahun2 yang lepas tidak akan di-terima. 5. Kertas lukisan hendak-lah di-lekatkan di-kertas tebal atau prim (Ukuran bebas). 6. Semua lukisan2 atau Potograp sa-kurang2nya ada 3 keping dalam tiap2 bahagian baharu-lah di-pertandingkan. 7. Ahli2 Jawatan Kuasa Peraduan ini tidak akan bertanggong jawab jika lukisan atau Potograp itu rosak atau hilang dalam perjalanan. 8. Peserta2 bebas memberi tajok lukisan-nya. 9. Pelukis2 yang akan menjual lukisan-nya hendak-lah membubuhkan harga lukisan itu. 10. Semua lukisan2 atau Potograp hendak-lah di-hantar tidak lewat pada 14/9/1966, yang lewat dari tarikh yang di-sebutkan tidak akan di-

gerap. 2. Peserta2 hanya di-benarkan menghantar dua lukisan atau Potograp bagi tiap2 satu bahagian. 3. Lukisan2 atau Potograp yang di-terima, hanya-lah hasil usaha pendudok2 tempatan negeri Brunei. 4. Lukisan2 atau Potograp yang di-pamirkan pada tahun2 yang lepas tidak akan di-terima. 5. Kertas lukisan hendak-lah di-lekatkan di-kertas tebal atau prim (Ukuran bebas). 6. Semua lukisan2 atau Potograp sa-kurang2nya ada 3 keping dalam tiap2 bahagian baharu-lah di-pertandingkan. 7. Ahli2 Jawatan Kuasa Peraduan ini tidak akan bertanggong jawab jika lukisan atau Potograp itu rosak atau hilang dalam perjalanan. 8. Peserta2 bebas memberi tajok lukisan-nya. 9. Pelukis2 yang akan menjual lukisan-nya hendak-lah membubuhkan harga lukisan itu. 10. Semua lukisan2 atau Potograp hendak-lah di-hantar tidak lewat pada 14/9/1966, yang lewat dari tarikh yang di-sebutkan tidak akan di-

Kirim-lah ka-Alamat: Setia Usaha, Peraduan Seni Lukis dan Sculpture, d/a: Sekolah Melayu SMJA, Padang, Bandar Brunei. BRUNEI.

Y.T.M. DULI PENGIRAN ISTERI ANAK SALEHA MENYERU KAUM IBU MEMASOKKI BIDANG2 PENGETAHUAN

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha, Isteri Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah merasmikan pembukaan Pameran Urusan Rumah Tangga, Kelas2 Dewasa Brunei di-Dewan P. G. G. M. B. Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada pagi hari Ahad yang lalu.

Sa-belum merasmikan pembukaan pameran tersebut, Y.T.M. Duli Pengiran Isteri Anak Saleha, antara-nya telah menguchapkan tahniah kepada Jabatan Pelajaran Brunei Bahagian Pelajaran Dewasa dan kepada Jawatan Kuasa Penyelenggara Pameran itu "bagi mendrongkan SEMANGAT KEMAJUAN KAUM IBU di-Negeri Brunei, kerana ini-lah langkah pertama dalam membuktikan kapada kaum ibu di-Brunei ini, ingin maju dalam apa yang dikatakan menchari kemajuan mata pelajaran untuk negeri dan diri mereka."

Y.T.M. Duli Pengiran Isteri Anak Saleha berkata lagi bahawa kejayaan besar yang di-perolehi pada hari itu ada-lah hasil daripada sambutan kaum ibu mengikuti Kelas2 Dewasa Urusan Rumah Tangga yang telah di-perolehi oleh Jabatan Pelajaran.

"Saya rasa ini ada-lah satu kebanggaan pada diri saya dan kaum ibu di-negeri ini seluruhnya, kerana kesedaran pada menghargai Ilmu Pelajaran ini, bukan sahaja tumbuh di-Bandar2 tetapi juga telah berkecembah dan berputek di-seluruh pelusok Tanah Ayer.

Saya harap kesedaran dan kebolehan kaum ini saperti yang saya telah lihat ini akan menjadi dorongan kanda kaum ibu yang lain dalam menchari dan menambah ilmu pengetahuan yang sesuai dengan keadaan masa dan juga zaman-nya.

Puan2 yang saya kasehi, kiau sa-buah taman dapat menghiborkan hati ma'anusia berana indain-nya, mari-lah kita kaum wanita melengkapkan diri untuk mencipta rumah tangga yang bahagia dan jalan sa-baik2 untuk menuju ka-arah ini ia-lah "Berilmu Pengetahuan", kata Y.T.M. Duli Pengiran Isteri Anak Saleha.

Sa-belum mengakhiri uchapan, Y.T.M. Duli Pengiran Isteri Anak Saleha telah menyeru kepada kaum ibu di-Brunei supaya memasokki bidang2 pengetahuan, seperti Kelas2 Pelajaran Menulis dan Membacha, Kelas2 Urusan Rumah Tangga dan pelbagai tempat pelajaran untuk orang2 dewasa yang te-

lah di-buka oleh Kerajaan dengan sa-luas2-nya di-negeri ini, kerana Ilmu Pengetahuan ada-lah berfaedah kapada satu2 negara.

Menteri Pelajaran merangkap Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah melafadzkan satu uchapan yang berharga sa-belum Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha di-junjong untuk beruchap dan merasmikan pembukaan Pameran Urusan Rumah Tangga itu.

Datin Zubaidah, Isteri Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, Menteri Besar Brunei telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 pada petang hari Isnin 29 Ogos, 1966.



Gambar ini di-ambil di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada kelemarin pagi sa-belum keberangkatan tiba D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan ka-Kursus Pegawai2 dan Guru2 Ugama Sa-Negeri Brunei. Dalam gambar ini kelihatan sa-bilangan daripada para peserta kursus tersebut.

Pembukaan Rasmi Masjid Hassanal Bolkiah

DARI MUKA 1

Paduka Kemaluddin; Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Sal-leh dan Kadzi Daerah Tutong, Yang Di-Muliakan Begawan Mu d i m H a j i Adenan.

Sa-lepas ketibaan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota ka-majlis itu, beberapa orang Pegawai2 Masjid Tutong telah berarak dari Masjid lama ka-Masjid baru itu dengan di-ikuti oleh sa-pasukan hadzrah.

Pada masa bersabda di-majlis pembukaan rasmi Masjid Hassanal Bolkiah pada pagi hari Juma'at yg. lalu, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah menguchapkan berbanyak2 terima kaseh atas kesudian Jawatan Kuasa Upachara Pembukaan Rasmi Masjid tersebut dan juga Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin atas kesudian menjemput Yang Teramat Mulia ka-majlis tersebut dan juga untuk merasmikan pembukaan Masjid baru itu yang di-namakan Masjid Hassanal Bolkiah, ia-itu mengambil sempena nama Yang Teramat Mu-

lia.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota juga telah menguchapkan tahniah kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei ter-

hadap kejayaan Jabatan itu membina sa-buah Masjid yang menjadi Lambang Ugama Islam.

Dalam sabda tersebut Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota berkata bahawa Masjid itu ada-lah memberikan arti kata yang besar sa-bagai sejarah kapada Umat Islam di-Tutong yang mempunyai sa-buah Masjid yang in-dah.

Bertambah pula, lebeh ramai lagi umat Islam akan dapat berjema'ah dan beribadah di-Masjid yang baru itu yang di-sediakan dengan berbagai2 alat kelengkapan dan kemudahan yang sesuai dengan zaman moden ini.

Selanjutnya Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah menguchapkan berbanyak2 terima kaseh atas kesudian Jawatan Kuasa Upachara Pembukaan Rasmi Masjid tersebut dan juga Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin atas kesudian menjemput Yang Teramat Mulia ka-majlis tersebut dan juga untuk merasmikan pembukaan Masjid baru itu yang di-namakan Masjid Hassanal Bolkiah, ia-itu mengambil sempena nama Yang Teramat Mu-

lia.

Wakil2 Brunei Ka-Perlawanan "Piala Borneo"

BANDAR BRUNEI. — Per-satuhan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei telah memileh 16 orang ia-itu 8 orang dari Daerah Brunei dan Muara serta 8 orang dari Daerah Belait untuk mengambil bahagian dalam Perlawanan Bola Sepak Piala Borneo di-Kuching pada 9, 10 dan 11 September, 1966. Mereka ada-lah saperti

Dari Daerah Brunei dan Muara: Awang Idris bin Abdul Hamid, Awang Mohammed bin Ismail, Awang Suhaili bin Lani, Awangku Omar bin Pengiran Haji

berharap sa-moga Masjid baru itu akan menjadi Pusat bagi Masjid2 yang lain di-Daerah Tutong dan memainkan peranan sebagai Pusat tempat me-nanam dan menyibarkan ajaran2 dan faham a n Ugama Islam serta menjadi Lambang Islam ka-pada penduduk2 di-Daerah Tutong.

LATEHAN MENEMBAK

TUTONG. — Pasukan "D" 2/6 Gurkha Rifles akan mengadakan Latehan Menembak di-Kawasan Latehan Tentera Tutong dari 12 Sep-tember hingga 16 September, 1966.

Orang ramai ada-lah di-nasehatkan supaya jangan masuk ka-kawasan yang ber-ikut pada masa di-adakan latehan tersebut:

Dari Kuala Sungai Leng-kunis di-sapanjang pantai ka-utara ka-Kampung Bin-tuaran. Kemudian ka-arah selatan hingga ka-Kampung Bukit Panggal dan ka-arah timor ka-Kampung Penan-jong dan ka-arah utara ka-Kuala Sungai Lengkunis.

Apong, Kopral Pasang bin Md. Yassin, Awang Abdul Rahman bin Sanip, Awang Abdul Razak bin Abdullah dan Awang Frankie Ho.

Dari Daerah Belait: Awang Ali Talip, Awang Ahmad bin Abol, Awang Kadir bin Yusof, Awang Ismail bin Budin, Awang Ali bin Noor, Awangku Zahari bin Pengiran Ahmad, Awang Christopher Koh dan Awang Su'ut bin Abdul Hamid.

Rombongan tersebut akan berlepas ka-Kuching dengan karal terbang pada 8 Sep-tember, 1966.